



# SEMINAR KEPIMPINAN ISLAM SERANTAU

*Seminar on Regional Muslim Leadership*

**Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya**

## Ulama Dalam Pemerintahan Negara Masa Kini

*Ulama in the Administration of a Country*

**Dato' Seri Haji Harussani Haji Zakaria**

Mufti Kerajaan Perak

*Mufti of Perak*

29 Safar & 1 Rabi<sup>o</sup> al-Awwal 1420

14 & 15 Jun 1999

Dewan Kuliah Utama  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya



## ULAMA' DALAM PEMERINTAHAN NEGARA MASA KINI

### PENDAHULUAN

Satu kenyataan yang tidak boleh dinafikan bahawa ulama telah memainkan peranan amat penting dalam penyebaran, mempertahankan serta memelihara kebersihan syariat Islam dari dicemari oleh tangan manusia. Ulama' sepanjang zaman telah menghadapi pelbagai keadaan, penzaliman, penganiayaan namun dengan penuh kegigihan dan keikhlasan dihadapinya dengan tabah hingga berterusanlah penyebaran agama ini.

Sejak dari zaman awalan ulama' telah menghadapi tekanan dari pihak-pihak tertentu kerana tidak mahu tunduk kepada kehendak nafsu mereka. Ramai ulama' yang dibunuh dan dipenjarakan. Ada pula yang didera hingga menemui maut. Namun semua tindakan ini tidak pernah melemahkan semangat keimanan dan keikhlasan para ulama' mujahidin.

Perbuatan menindas para ulama' sedikit sebanyak telah mendatangkan akibat kepada masyarakat Islam. Negara Islam menjadi lemah, berpecah sesama sendiri yang



akhirnya hampir keseluruhan negara Islam dijajah oleh musuh luar Islam. Walaupun telah merdeka namun terbelenggu dari segi fikiran, budaya dan ekonomi. Ini dapat kita saksikan dengan jelas di seluruh dunia Islam hingga tidak terdapat satupun negara orang Islam yang boleh dicontohi untuk dijadikan model.

## ULAMA DI MALAYSIA

### Sebelum Kemerdekaan :-

Kedudukan ulama di sisi masyarakat sebelum merdeka adalah kukuh. Ulama' dipandang sebagai guru dan pemimpin. Kewibawaan ulama pada masa itu tidak dipertikaikan lagi. Kata ulama' sebagai hikmah. Ulama' adalah tempat orang Melayu bergantung dan bernaung. Keilmuan ulama pada ketika itu mendalam dan diakui.

### Era Kemerdekaan:-

Semangat kemerdekaan dan gerakan tuntutan kemerdekaan di Malaysia tiada siapa yang boleh menafikan bahawa ia didorong oleh para ulama. Beberapa tahun sebelum Malaya mencapai kemerdekaan, ramai pejuang yang terdiri dari ulama' telah dipenjara dan diseksa oleh penjajah. Ulama mempunyai pendirian yang teguh dan waja dihormati dan disanjung oleh masyarakat. Mereka tegas dan berpendirian tetap.

**Selepas Merdeka:-**

Setelah kemerdekaan dicapai keadaan telah beransur berubah apabila falsafah negara diasaskan kepada kemewahan. Falsafah pendidikan hanya menuju ke arah mencapai kebendaan, kewibawaan ulama' beransur menurun. Ini ditambah lagi apabila ulama' tidak dapat menyelesaikan sesuatu masalah dengan cepat sedangkan gerakan kemajuan tidak dapat menunggu. Ulama sendiri tidak bersatu pendapat sehingga masalah kecil menjadi pertikaian yang lama.

Keadaan bertambah buruk apabila golongan ulama berpecah sambil tuduh menuduh antara satu sama lain. Sebilangan ulama' telah melibatkan diri dalam kancuh politik kepartian.

Hasil dari fenomena ini runtuhlah nilai budaya yang baik, timbul pula gejala-gejala buruk yang membawa keruntuhan akhlak yang melanda masyarakat Malaysia khususnya orang-orang melayu.

Keghairahan pada mengejar kemewahan dengan falsafah pendidikan menuju ke arah itu kemudiannya melahirkan generasi yang kekosongan jiwa. Kekosongan ini telah dirasakan dan kekurangan ini telah menimbulkan kesedaran bahawa ia perlu diisi.

## KEDUDUKAN ULAMA DALAM PEMERINTAHAN

- i) Al-Marhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Semasa pemerintahan beliau, ulama masih dihormati oleh masyarakat walaupun tidak semua nasihat didengar dan diterima pakai dalam pemerintahan.

- ii) Allahyarham Tun Abdul Razak dan Allahyarham Tun Hussein On.

Semasa pemerintahan beliau berdua golongan agama telah mendapat sedikit pembelaan. Jawatan Qadhi yang asalnya dari kategori D dinaikkan kepada kategori A.

- iii) Pemerintahan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohammad.

Islam telah mengalami perkembangan yang agak pesat semasa pemerintahan beliau dengan tertubuhnya Bank Islam, Universiti Islam dan kaunter perbankan cara Islam. Namun ulama tidak dinilai sebagai tenaga utama pembangunan negara bahkan lebih dilihat sebagai halangan kepada aktiviti-aktiviti dan program-program mungkar yang dianjurkan. Masyarakat dimomokkan dengan kecaman dan cemuhan terhadap ulama. Penafsiran semula tentang siapakah ulama cuba diketengahkan kepada masyarakat. Akibatnya hilang rasa hormat masyarakat kepada ulama'.

## SIAPAKAH SEBENARNYA ULAMA

Ulama adalah dari perkataan 'alim'. Masyarakat nusantara melayu mengenali ulama sebagai orang yang ahli tentang agama Islam. Pengertian dan nama ulama diambil dari firman Allah S.W.T.

انما يخشى الله من عباده العلماء

*Sesungguhnya hanyasanya orang yang takut akan Allah di kalangan hambanya adalah dari kalangan ulama'.*

Hadith nabi pula menyebut:-

إن الله لا يقبض العلم انتزاعا من العلماء ولكن يقبضه بقبض العلماء

*Sesungguhnya Allah tidak mencabut ilmu daripada dada-dada ulama'nya tetapi mencabut dengan cara mematikan ulama'.*

## PERANAN ULAMA

Sememangnya tidak dapat dinafikan ulama' memainkan beberapa peranan penting antaranya:-

1. Pewaris nabi

Ini dapat dijelaskan oleh beberapa hadits Rasulullah S.A.W.

العلماء ورثة الأنبياء

*Ulama' itu pewaris para nabi.*

العلماء مصابيح الأرض وخلفاء الأنبياء وورثتي وورثة الأنبياء

*Ulama' itu adalah penerang bumi dan pengganti tugas para rasul dan mereka juga pewarisku dan pewaris para nabi.*

Sesungguhnya para nabi tidak mewariskan harta ataupun wang ringgit namun dua perkara penting yang diamanahkan kepada pewaris-pewarisnya adalah seperti terkandung di dalam khutbah haji wida'.

أيها الناس إن الشيطان قد يتس أن يعبد بأرضكم هذه ولكنه قد رضى أن يطاع فيما سوى ذلك مما تحقرونه من أعمالكم فاحذروه على دينكم فاعقلوه أيها الناس قولي فإنني قد بلغت وقد تركت فيكم أمرين ما اعتصمتم به فلن تضلوا أبدا أما بينا كتاب الله وسنة نبيه.

*Wahai sekalian manusia sesungguhnya syaitan sudah putus asa agar dirinya disembah di atas mukabumi ini tetapi dia redha apabila ditaati dengan engkau mengerjakan amalan-amalan yang hina, maka berwaspadalah terhadap urusan agamamu. Renungilah kata-kata ku ini kerana sesungguhnya aku sudah menyampaikannya. Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara selama mana kamu berpegang dengannya nescaya kamu tidak akan sesat selama-lamanya iaitu Al-Quran dan Sunnah Nabi.*

Adapun ciri-ciri ulama' pewaris nabi adalah seperti berikut:-

- a) Ulama' Al-Quran dan Sunnah Rasul dan mengamalkannya.
- b) Ulama' yang berprinsip teguh pegangannya dan tidak takut.
- c) Ulama' yang tidak menjual agamanya.

Seminar ulama' anjuran YADIM di Kota Bharu pada Oktober 1992 merumuskan

ulama' ialah orang yang mempunyai ciri-ciri berikut:-

- a) Berkebolehan dalam bidang agama Islam.
- b) Dapat memahami kitab-kitab agama yang muktabar.
- c) Dapat mengejar dengan kaedah yang sesuai.
- d) Beramal dengan ilmunya dengan penuh taqwa dan beriman.

## 2. Pemegang Amanah Allah

Hadith nabi menjelaskan

العلماء أمناء الله على خلقه

*"Ulama' adalah pemegang amanah Allah ke atas hamba-hambanya.  
(Hadith Hassan riwayat Ibnu Asakir dan Qudhaie)*

Dalam Hadith yang lain pula Rasulullah S.A.W. menyebutkan :-

إن مثل العلماء في الأرض كمثل نجوم السماء يهتدى بها في ظلمات البر والبحر



*'Sesungguhnya perumpamaan ulama' di atas muka bumi ini seperti bintang-bintang di atas langit yang menjadi panduan dalam kegelapan di darat mahupun di lautan.*

*(Hadith Hassann riwayat Al-Ajuri dari Anas)*

### 3. Pemimpin Umat

Di dalam memimpin umat, ulama' berperanan sebagai

- a) داعى ,واعظ, مرشد, مبلغ
- b) Pemimpin rohani yang meliputi aqidah, syariat dan akhlak.
- c) Pemelihara amanah Allah
- d) Pembimbing ummat.

### 4. الأمر بالمعروف والنهي عن المنكر.

Berkata Iman, Al-Ghazali

إنما فسدت الرعية بفساد الملوك وفساد الملوك بفساد العلماء فلو لا القضاة السوء  
والعلماء السوء لقل فساد الملوك .

*Sesungguhnya kerosakan rakyat disebabkan kerosakan pemerintah dan kerosakan pemerintah disebabkan oleh kerosakan ulama'nya jika tidak para qadhi dan ulama yang jahat nescaya sedikit kerosakan pemerintah.*

Sabda Rasulullah S.A.W.

العلماء أمناء الرسل ما لم يخالطوا السلطان ويدخلوا الدنيا , فإذا خالطوا السلطان  
ودخلوا الدنيا فقد خانوا الرسل فاحذروهم.

*Para ulama adalah pemegang amanah para Rasul selama mana tidak dipengaruhi oleh pemerintah dan tidak haloba dengan dunia, apabila mereka sudah dipengaruhi pemerintah dan haloba dengan dunia, berwaspadalah kerana mereka telah mengkhianati rasul.*

Hadith Hassan diriwayatkan oleh Al-Baihaqi.

Sabda baginda lagi

أعاذك الله من أمارة السفهاء قال وما أمارة السفهاء ؟ أمراء يكونوا بعدى لا يهتدون  
بهدى ولا يستنون بسنتي فمن صدقهم بكذبهم وأعانهم على ظلمهم فأولئك ليسوا مني  
ولست منهم ولا يردون على حوضي ومن لم يصدقهم بكذبهم ولم يعنهم على ظلمهم  
فأولئك مني وأنا منهم وسيردون على حوضي.

*Aku ingatkan kamu untuk berlindung dengan Allah dari kepimpinan orang bodoh. Ditanya apakah itu kepimpinan orang yang bodoh? Pemimpin-pemimpin yang datang selepas aku, tidak mahu mengambil petunjukku dan tidak melaksanakan sunnahku maka barangsiapa yang membenarkan pembohongan mereka dan menolong kezaliman, bukanlah mereka dari golonganku dan aku bukan dari mereka dan mereka tidak akan dapat mendekati telagaku, tetapi barang siapa yang tidak membenarkan pembohongan dan tidak menolong kezaliman meeka, mereka adalah golonganku dan aku dari golongan mereka dan mereka akan mendekati telagaku.*

*(Hadith riwayat An-Nasai, At-Tirmizi dan Al-Hakim).*

Sabda Nabi lagi

أفضل الجهاد كلمة الحق عند سلطان جائر

*'Seafdhal-afdhal jihad ialah memperkatakan hak dihadapan pemerintah yang zalim':*

*(Hadith riwayat Ibnu Majah).*

Sabda baginda lagi

صنفان من أمتي إذا صلحا صلح الناس وإذا فسدا فسد الناس: الأمراء والفقهاء وفي  
رواية: صنفان من الناس إذا صلحا صلح الناس وإذا فسدا فسد الناس: العلماء و  
الفقهاء.

*"Dua golongan dari ummatku apabila mereka ini baik maka baik jugalah manusia yang lain dan jika golongan ini rosak, rosaklah juga manusia yang lain iaitu golongan Umara' dan fuqaha': Di dalam riwayat yang lain: Dua golonga apabila baik, baik juga masyarakat dan jika golongan ini rosak maka rosak juga masyarakat iaitu ulama' dan fugaha'".*

Peribahasa Arab mengatakan

الدين بالملك يقوى والملك بالدين ييقى

*Agama yang disokong oleh pemerintah itu akan kuat dan pemerintah yang beragama itu akan kekal.*

##### 5. *Ulama berfungsi dalam pengurusan negara.*

Didalam Islam tidak ada pemisah antara kekuasaan dan agama. Tegasnya kekuasaan sewajibnya diasaskan atas asa agama iaitu melaksanakan Ajaran Islam.

Tonggak kekuatan umat dan kejayaannya adalah berasakan muafakat dan perpaduan.

Manakala usaha memaju dan menterjemah tuntutan dan nilai Islam dalam kehidupan seharian adalah tugas semua pihak termasuk ahli politik, pentadbir, ahli koprat, ahli sains, ahli perniagaan dan lain-lain. Jesteru itu adalah penting bagi ulama' bergabung dengan semua pihak. Pendapat dan pandangan ulama hendaklah didengar dan dijadikan rujukan demi menyediakan suasana hidup yang bersih dari maksiat dan unsur-unsur negatif.

#### CADANGAN

- 1- Umat Islam hendaklah berusaha bersungguh-sungguh bagi mewujudkan pelapis bagi persediaan menghadapi cabaran masa akan datang.
- 2- Ulama' mestilah bersatu tenaga bagi mengembalikan kehormatan dankewibawaan mereka.
- 3- Setiap Ulama' hendaklah meraikan adab-adab percambahan fikiran.